

# TAKAFUL

## UNTUK SEMUA, UNTUK KEHIDUPAN

### LAPORAN DANA TAKAFULINK 2012

Laporan dan Penyata Takafulink  
untuk tahun berakhir 31 Disember 2012

**PRUDENTIAL BSN**

TAKAFUL



**PRUDENTIAL BSN  
TAKAFUL,  
TERBAIK DI ASIA**  
**ANUGERAH PENGENDALI  
TAKAFUL TERBAIK**

## Pemegang Sijil yang Dihormati,

Kami berbesar hati untuk menyampaikan kepada anda Laporan Dana-dana Takafulink 2012 bagi Prudential BSN Takaful Berhad. Laporan ini boleh didapati dalam laman web kami di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my).

## Kandungan

<b>2</b>	Perutusan dari Ketua Pegawai Eksekutif	<b>10</b>	Tinjauan Pelaburan	<b>35</b>	Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan
<b>4</b>	Objektif Dana	<b>14</b>	Sorotan Kewangan	<b>39</b>	Nota-nota kepada Akaun
<b>5</b>	Ulasan Pelaburan	<b>26</b>	Penyata Aset dan Liabiliti	<b>41</b>	Laporan Pengarah
<b>9</b>	Prestasi Dana	<b>31</b>	Penyata Pertukaran dalam Nilai Aset Bersih	<b>42</b>	Laporan Juruaudit Bebas



## PERUTUSAN DARI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

“Bagi tahun penuh 2012, dengan bahagian pasaran sebanyak 28.4%, PruBSN menguatkan lagi kedudukan syarikat sebagai Pengendali Takaful Nombor 1 di Malaysia.

Kami melindungi hampir 2% daripada penduduk Malaysia dan keluarga mereka.”

**Azim Mithani**

*Ketua Pegawai Eksekutif,  
Prudential BSN Takaful Berhad*

## ***Assalamualaikum Pemegang Sijil PruBSN,***

Terima kasih kerana memilih PruBSN sebagai rakan perlindungan anda. Saya sangat berbesar hati untuk berkongsi bersama anda Laporan Dana Takafulink 2012 yang saya percaya dapat membantu anda mengkaji keperluan dan matlamat kewangan anda untuk tahun yang akan datang.

Ekonomi Malaysia kekal bertahan dan kukuh dengan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.6%<sup>1</sup> pada tahun 2012 walaupun keadaan ekonomi global masih lemah. Pertumbuhan ini disebabkan oleh permintaan domestik dan pelaburan yang kukuh diikuti Pelaburan Domestik Asing yang teguh menjangkau RM29 bilion<sup>2</sup>. Rantau Asia kekal berpotensi tinggi untuk pelabur asing seperti jelas dilihat dengan pelaburan ke dalam Malaysia berlipat ganda daripada RM26 bilion pada tahun 2011 kepada RM59 bilion<sup>3</sup> pada tahun 2012.

Bagi kami di PruBSN, kami sangat gembira untuk berkongsi dengan anda bahawa perniagaan kami kekal utuh dengan jumlah Perniagaan Baru Sumbangan Tahunan Setara (ACE) sebanyak RM265.7 juta bagi tahun 2012. Ini menunjukkan peningkatan 15% daripada RM231 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Bagi tahun penuh 2012, dengan bahagian pasaran sebanyak 28.4%, PruBSN menguatkan lagi kedudukan syarikat sebagai Pengendali Takaful Nombor 1 di Malaysia. Keputusan yang konsisten beberapa tahun ini menjadikan jumlah pemegang sijil PruBSN kepada lebih setengah juta orang. Ini bermakna kami melindungi hampir 2% daripada penduduk Malaysia dan keluarga mereka. Anda juga merupakan salah seorang daripada ahli keluarga yang amat besar yang kian berkembang ini dan kami berbesar hati dapat berkhidmat untuk anda. Berdasarkan keputusan ini, inovasi produk kami, dan juga prestasi kewangan yang kukuh, kami juga baru-baru ini telah dinobatkan sebagai Pengendali Takaful Terbaik Asia oleh CPI Financial, sebuah syarikat penerbitan antarabangsa yang beroperasi di Dubai.

Kami sedar bahawa pelaburan yang memberikan pulangan sewajarnya amat penting kepada anda. Oleh itu kami komited menyediakan anda pelaburan jangka panjang yang kukuh. Dana utama kami, Takafulink Dana Ekuiti, berkedudukan Nombor 1 di antara dana-dana ekuiti yang setaranya dengan 16.6% bagi pulangan satu tahun dan 48.9% bagi pulangan tiga tahun<sup>4</sup>. Prestasi mengkagumkan ini menjadikan dana ekuiti ini Dana Ekuiti Islam terbaik pada tahun 2012 yang diiktiraf oleh The Edge-Lipper Malaysia<sup>5</sup>.

Takafulink Dana Bon dan Takafulink Dana Urus kami juga mencatatkan pulangan satu tahun yang memberangsangkan dengan 5.70% dan 13.9% masing-masing bagi tahun 2012. Takafulink Dana Urus menduduki tempat ke-dua berbanding dana-dana yang setaranya di dalam industri oleh Lipper.

Di PruBSN, kami akan terus komited untuk memastikan bahawa kami memenuhi setiap keperluan perlindungan dan simpanan yang berhak anda miliki. Kami akan terus bekerja keras untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan saya pasti anda akan menikmati manfaat-manfaatnya di masa akan datang. Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kepercayaan dan sokongan berterusan anda kepada PruBSN. Kami amat berbangga mempunyai anda sebagai pemegang sijil kami dan kami berharap dapat membina kejayaan bersama dengan anda.

Untuk maklumat lanjut mengenai Laporan Dana kami, sila email kami di [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my) atau hubungi kami di 03 2053 7188.

Selamat maju jaya untuk 2013!

<sup>1</sup> Bank Negara Malaysia

<sup>2</sup> Bank Negara Malaysia

<sup>3</sup> Bank Negara Malaysia

<sup>4</sup> Lipper IM (Tarikh terbitan: 9 Januari 2013)

<sup>5</sup> Lipper IM (Tarikh terbitan : 9 Januari 2013)

## OBJEKTIF DANA

*Takafulink Dana Ekuiti* bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam saham patuh Syariah berkualiti tinggi yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

*Takafulink Dana Bon* bertujuan untuk menyediakan pengumpulan modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam Sukuk Swasta (*Private Sukuk*) dan Kemudahan Pembiayaan Islam (IFF atau *Islamic Financing Facilities*) yang terpilih.

*Takafulink Dana Urus* bermatlamat untuk memaksimumkan pulangan dalam tempoh sederhana hingga panjang dengan melabur dalam saham patuh Syariah dan Sukuk Swasta dan Kemudahan Pembiayaan Islam (IFF) melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon serta dalam mana-mana dana Takafulink lain sedemikian yang mungkin disediakan pada masa hadapan.

*Takafulink Dana Ekuiti* Dinasti bertujuan untuk menyediakan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pelaburan kelulusan Syariah dengan pendedahan ke rantau China Besar.

## Pasaran Ekuiti

Pasaran ekuiti tempatan memulakan tahun 2012 dalam persekitaran yang positif berikutan data ekonomi yang lebih baik daripada Amerika Syarikat dan beberapa petanda pemulihan di Eropah di mana Bank Pusat Eropah (ECB) kekal komited untuk mewujudkan syarat-syarat kewangan yang mudah. ECB telah mengumumkan penyambungan Operasi Pembiayaan Semula Jangka Panjang (*Long-term Refinancing Operations* atau LTRO) 3-tahun yang kedua berjumlah €529.5 bilion pada Februari untuk menyuntik kecairan ke dalam sistem. Jumlah tersebut merupakan jumlah yang lebih besar daripada LTRO 3-tahun yang pertama yang ditawarkan pada Disember 2011 (€489 bilion). Secara am, Malaysia mencatat prestasi yang lebih rendah berbanding negara lain di rantau Asia kerana pelabur asing telah melabur dalam pasaran beta yang lebih tinggi sepanjang suku tahun. Musim pengumuman keputusan utama pada bulan Februari telah menunjukkan keputusan seperti yang dijangkakan, dengan beberapa kejutan.

Jualan mendadak di pasaran Malaysia yang berlaku sebelum Bersih 3.0 dan data pertumbuhan pekerjaan yang lemah di Amerika Syarikat telah membangkitkan kebimbangan terhadap kemampuan pemulihan ekonomi. Keputusan pilihan raya yang kurang memberansangkan di Greece dan Perancis juga mewujudkan ketidaktentuan tambahan bagi para pelabur. Pada akhir 2Q12, terdapat berita yang agak baik apabila para pemimpin di Persidangan Kemuncak Kesatuan Eropah mencapai persetujuan untuk Kepadatan Pekerjaan dan Pertumbuhan (*Compact on Growth and Jobs*). Terdapat juga rancangan untuk ECB mengambil peranan sebagai pusat penyeliaan bagi institusi-institusi kewangan di rantau Eropah. Di pasaran domestik, musim pelaporan pada bulan Mei tidak mengejutkan dengan keputusan yang mantap. Walau bagaimanapun, Indeks FBM Emas Syariah kembali kukuh menjelang penghujung suku tahun dan menguji tahap ketinggian sebelumnya. Terdapat juga keterujaan di pasaran apabila Felda Global Ventures Holdings telah disenaraikan pada 28 Jun 2012.

Pasaran Indeks FBM Emas Syariah terus berjaya mencapai tahap yang lebih tinggi pada 3Q12. Para pelabur telah menambahkan pendedahan mereka dalam pasaran ekuiti Malaysia berdasarkan jangkaan bahawa Pilihan Raya Umum mungkin ditangguh selanjutnya. Kejayaan penyenaian julung IHH Healthcare Bhd (IHH) di Bursa Malaysia dan Bursa Saham Singapura (*Singapore Stock Exchange*) juga membantu meningkatkan sentimen pelabur. Pada masa yang sama, Bajet 2013 yang telah diumumkan merupakan satu bajet pra-pilihan raya dengan pelbagai langkah mesra pengguna. Di Amerika Syarikat, Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (*Federal Open Market Committee* atau FOMC) telah mengumumkan pelonggaran kuantitatif untuk kali ketiga, memperkenalkan program pembelian sekuriti berdasarkan gadai janji terbuka pada kadar bulanan sebanyak AS\$40 bilion, dan mengabaikan panduan berdasarkan kalendar untuk menyokong polisi yang berkait dengan tinjauan pasaran tenaga pekerja.

### Pasaran Ekuiti *(samb.)*

4Q12 adalah suku tahun yang tidak menentu di mana Indeks FBM Emas Syariah diperbetulkan secara mendadak pada bulan November dan kembali kukuh pada bulan Disember, menutup suku tahunan pada 1.6% lebih tinggi daripada akhir 3Q12. Semasa musim pelaporan korporat, lebih banyak syarikat melaporkan keputusan di bawah jangkaan dengan beberapa kejutan positif. Prestasi sektor perladangan adalah yang paling tidak memberansangkan. Di Amerika Syarikat, Rizab Persekutuan (*Federal Reserve*) melanjutkan pembelian aset untuk sekuriti perbendaharaannya bersama sekuriti bersandarkan gadai janji berjumlah AS\$85 bilion sebulan. Tindakan ini telah menyediakan pasaran dengan jangkaan kecairan berterusan yang mencukupi. Walau bagaimanapun, kebimbangan yang meningkat terhadap jurang fiskal (*fiscal cliff*) telah membawa kepada prestasi pasaran yang lebih rendah menjelang penghujung suku tahun.

Indeks FBM Emas Syariah tutup pada tahun tersebut pada 11,520.7 mata. Ia meningkat 11.8% sepanjang tempoh di bawah tinjauan.

### Ulasan Pasaran Sukuk

BNM telah mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate* atau OPR) pada 3% dalam tempoh tinjauan dan semenjak Mei 2011. Semasa mesyuarat pada Mac 2012, BNM mendapati bahawa tekanan risiko pada ekonomi global dijangka akan menyederhanakan momentum pertumbuhan keseluruhan domestik pada 2012 walaupun keadaan ekonomi dan kewangan global telah mencatat sedikit peningkatan semenjak mesyuarat MPC pada bulan Januari.

Namun demikian, peningkatan dalam keadaan kewangan tersebut tidak kekal lama disebabkan oleh tekanan di pasaran kewangan antarabangsa yang muncul kembali berikutan kewujudan ketidakpastian polisi dan kebimbangan yang semakin mendalam terhadap krisis hutang berdaulat Eropah pada 2Q2012. Dalam mesyuarat MPC pada Julai dan September 2012, BNM menekankan semula kenyataannya bahawa isu polisi yang belum diselesaikan di Zon Eropah akan terus menggolak pasaran kewangan, dan aktiviti ekonomi yang lebih lembap di beberapa rantau di seluruh dunia, terutamanya di ekonomi maju, akan terus mencabar prospek pertumbuhan. Ekonomi baru muncul juga telah terjejas oleh kesederhanaan permintaan domestik serta permintaan luaran yang lembap. Dari segi domestik, pertumbuhan ekonomi terus mantap dengan penggunaan yang bertahan dan aktiviti pelaburan serta permintaan domestik yang disokong oleh keadaan pekerjaan yang stabil dan peningkatan pendapatan. Ketahanan pertumbuhan domestik dinyatakan sekali lagi oleh BNM dalam mesyuarat MPC pada 8 November.



## Ulasan Pasaran Sukuk *(samb.)*

Tekanan inflasi di Malaysia kekal terkawal. Inflasi keseluruhan (*headline inflation*) telah menurun dari 3.0% tahun-atas-tahun pada Disember 2011 kepada 1.3% tahun-atas-tahun pada November. Ini merupakan kadar terendah semenjak Februari 2010. Kesederhanaan ini didorong terutamanya oleh pemperlahanan harga makanan dan minuman bukan alkohol serta inflasi teras (*core inflation*). Walaupun inflasi keseluruhan sederhana pada 2012, BNM masih berwaspada tentang risiko menaik ke atas inflasi yang disebabkan oleh harga komoditi yang lebih tinggi di 2013.

Untuk tempoh di bawah tinjauan, hasil sukuk berdaulat 3, 5 dan 10 tahun bertukar sebanyak +5 mata dasar, +4 mata dasar dan -18 mata dasar untuk menutup pada 3.23%, 3.32% dan 3.61% masing-masing, sukuk kerajaan jangka masa panjang pulih apabila BNM mengekalkan OPRnya pada 3.00% berdasarkan pada tinjauan ekonomi global dan domestik yang semakin lembap serta inflasi yang sederhana. Namun demikian, perolehan sebahagiannya disederhanakan oleh penghindaran risiko yang meningkat dalam ketidaktentuan yang bertambah di Kesatuan Eropah akibat daripada perubahan dalam kerajaan di Itali, Greece dan Sepanyol, serta kesan sampingan berpotensi pada 1H2012. Sentimen juga dilembapkan oleh harga komoditi yang lebih tinggi dan peningkatan yang lebih besar daripada jangkaan untuk terbitan Kerajaan di penghujung suku ketiga. Walau bagaimanapun, sekuriti kerajaan mengukuh pada akhir suku tahun dengan dibantu oleh peningkatan dalam kecairan global apabila Rizab Persekutuan dan bank pusat lain meneruskan pelonggaran kuantitatif mereka.

Hasil sukuk bergerak sejajar dengan hasil sekuriti berdaulat pada lazimnya, walaupun pada tahap yang lembap. Secara umum, spread sukuk mengetat semasa tempoh tinjauan dan aktiviti dalam pasaran sukuk korporat telah disokong oleh kecairan yang mencukupi serta persekitaran kredit yang semakin pulih.

Dari segi penawaran, jumlah terbitan utama pada akhir Disember 2012 adalah lebih kurang RM1,011 bilion, di mana kira-kira 53% adalah terbitan konvensional dan 47% adalah terbitan Islam<sup>1</sup>. Perkadaran untuk sukuk korporat dalam bidang sukuk adalah lebih tinggi pada kira-kira 37% berbanding dengan perkadaran untuk bon korporat dalam bidang bon korporat yang berada pada 24%. Terbitan utama adalah kebanyakannya daripada sektor tol, tenaga dan perbankan serta sukuk jaminan kerajaan. Terbitan utama terbesar ialah PLUS yang berjumlah RM30.6 bilion, di mana RM11.0 bilion adalah jaminan kerajaan. Sementara itu, terdapat juga jumlah terbitan baru jaminan kerajaan yang agak besar seperti SME Bank, Danalnfra, Perbadanan Johor, PTPTN, dan Prasarana.

<sup>1</sup> Sumber: Agensi Penarafan Bon Malaysia

### Asia Pasifik tidak termasuk Jepun

Pasaran Asia Pasifik tidak termasuk Jepun memulakan 2012 dalam persekitaran yang positif berdasarkan data Amerika Syarikat yang lebih baik dan kebimbangan yang berkurangan terhadap pergolakan hutang Zon Eropah. Selera risiko telah digalakkan oleh jamin keluar yang kedua untuk Greece dan pelbagai langkah yang diambil oleh beberapa bank pusat untuk menangani keadaan ekonomi. Namun begitu, daya momentum menurun pada Mac setelah kerajaan China mengurangkan sasaran pertumbuhannya untuk tahun 2012 kepada 7.5%. Ini adalah kali pertama semenjak 2004 di mana sasaran keluaran domestik negara kasar untuk China ditetapkan pada kadar yang lebih rendah daripada 8%.

Apabila pertengahan tahun menjelang, kebimbangan terhadap pertumbuhan di China dan India, dua ekonomi terbesar di Asia, telah menjejaskan sentimen berikutan data yang terus mengecewakan. Turut membimbangkan ialah angka tenaga pekerja dan aktiviti ekonomi yang kurang menggalakkan dari Amerika Syarikat yang jatuh di bawah jangkaan. Sementara itu, perubahan politik di Perancis dan ketidakstabilan di Greece telah mengancam untuk menghalang pelan berjimat cermat dan memburukkan lagi krisis hutang Eropah.

Satu perjanjian oleh para pemimpin Eropah untuk mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengurangkan krisis hutang dan membentuk satu entiti perbankan penyeliaan tunggal adalah langkah pertama ke arah pembentukan persatuan perbankan di rantau tersebut. Ini telah membawa kepada pengukuhan pasaran pada bulan Jun. Bagi menangani pertumbuhan yang lebih lembap, China mengurangkan kadar utamanya buat kali pertama semenjak 2008. Australia juga mengambil langkah yang sama. Beberapa negara lain, terutamanya Filipina, Thailand dan Korea Selatan, turut mengurangkan kadar polisi utama mereka pada tahun tersebut memandangkan persekitaran global yang mencabar. Negara lain seperti China dan India pula mengambil tindakan untuk melonggarkan kecairan yang ketat dalam sistem perbankan mereka. Langkah-langkah ini adalah untuk mengukuhkan pasaran tersebut.

Pelonggaran kuantitatif kali ketiga oleh Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (*U.S. Federal Reserve*), program pembelian bon tanpa had oleh Bank Pusat Eropah (*European Central Bank* atau ECB) serta pelbagai reformasi utama di India yang sudah lama tertanggung mendorong pertumbuhan pasaran serantau secara keseluruhan pada bulan September dan Oktober. Menjelang akhir tahun, pasaran menerima dorongan dalam bentuk data ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan dari China dan Amerika Syarikat. Namun demikian, optimisme tersebut terkekang oleh ketidaktentuan berlanjutan terhadap jurang fiskal di Amerika Syarikat.

Kebanyakan pasaran ekuiti Asia Pasifik tidak termasuk Jepun mengakhiri bulan Disember pada tahap yang lebih tinggi berbanding bulan sebelumnya berikutan tindakan Rizab Persekutuan Amerika Syarikat yang telah meningkatkan pelonggaran kewangan dan data ekonomi yang telah menunjukkan pertumbuhan yang lebih stabil di China. Pasaran yang lebih kukuh pada bulan Disember telah membantu tanda aras stok rantau Asia (MSCI Asia Pasifik tidak termasuk Jepun/MSCI Asia tidak termasuk Jepun) mencatat perolehan tahunan terbesarnya semenjak 2009.

### ***Takafulink Dana Ekuiti***

Pada 31 Disember 2012, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat sebanyak 16.61% ke RM1.7792 berbanding dengan RM1.5258 pada 31 Disember 2011.

Semenjak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 77.80%.

### ***Takafulink Dana Bon***

Pada 31 Disember 2012, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat ke RM1.3019 dari RM1.2318 pada 31 Disember 2011, mencatat pulangan sebanyak 5.70% untuk tempoh di bawah tinjauan.

Semenjak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 30.19%.

### ***Takafulink Dana Urus***

Pada 31 Disember 2012, Nilai Aset Bersih setiap unit Takafulink Dana Urus adalah pada RM1.6708 berbanding dengan RM1.4669 pada 31 Disember 2011, mencatat pulangan sebanyak 13.90% untuk tempoh di bawah tinjauan.

Sejak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 66.97%.

### ***Takafulink Dana Ekuiti Dinasti***

Pada 31 Disember 2012, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana telah meningkat sebanyak 10.55% kepada RM1.0723 berbanding dengan RM0.9700 pada 31 Disember 2011.

Sejak penubuhannya (5 April 2010), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 7.23%.

*Dana-dana Takafulink adalah mematuhi Syariah.*

### Ekuiti

Pasaran global mengalami kelegaan sedikit berikutan persetujuan yang dicapai pada saat-saat terakhir seperti yang dijangka. Selera risiko sepatutnya meningkat kerana jurang fiskal telah berjaya dielakkan. Ahli ekonomi secara amnya berpendapat bahawa akan terdapat sedikit heretan fiskal dalam tahun 2013 akibat daripada pengumuman perubahan dalam pencukaian, tetapi ini tidak mungkin akan menyebabkan kemelesetan bagi ekonomi terbesar dunia. Namun demikian, kami menjangka pasaran global akan mengambil petunjuk daripada Amerika Syarikat dan akan kekal positif, dengan kecairan yang mencukupi dalam sistem dan pertumbuhan ekonomi global dijangka akan menyaksikan sedikit peningkatan. Ini bukan bermakna kami tidak akan meneliti semula isu menyelubungi krisis Hutang Eropah yang telah memasuki tahun keempat. Beberapa halangan berpotensi yang kita akan hadapi sepanjang tahun termasuk pilihan raya parlimen di negara-negara seperti Israel, Itali, Mesir, Pakistan, Iran, Jerman, Australia dan Malaysia.

Dari segi domestik, kami kekal berjaga-jaga secara keseluruhan terhadap ekuiti di 1H13. Walau bagaimanapun, kami percaya bahawa terdapat satu peluang yang kecil untuk pasaran kekal agak aktif dan menyediakan peluang berniaga. Kami berpendapat bahawa Pilihan Raya Umum Malaysia ke-13 mungkin diadakan pada 2Q13. Kami menjangka bahawa pasaran akan menghadapi pergolakan besar dengan tekanan risiko semasa tempoh ini. Dengan anggapan bahawa keputusan pilihan raya kekal status quo, kami menjangka pasaran Malaysia akan bergerak sejajar dengan pasaran global selepas itu.

### Sukuk

Dalam mesyuarat MPC pada 8 November 2012, BNM mengekalkan OPR pada 3.0%. BNM menekan bahawa ekonomi serantau tetap disokong oleh permintaan domestik walaupun dengan ekonomi global yang lebih lembap dan ketidakpastian yang berterusan di ekonomi maju. Dari segi domestik, permintaan domestik telah mengimbangi kelemahan dalam sektor luaran. Sementara penggunaan swasta dijangka akan disokong oleh keadaan pekerjaan yang stabil dan peningkatan dalam pendapatan, aktiviti pelaburan akan kekal kukuh berikutan penambahan dalam perbelanjaan modal.

Walaupun inflasi keseluruhan dijangka sederhana pada tahun 2013, BNM berwaspada terhadap tekanan risiko pada inflasi akibat daripada harga komoditi yang lebih tinggi. Dengan ini, OPR mungkin kekal pada 3.0% di separuh pertama 2013, kecuali berlaku sebarang kemunculan semula tekanan risiko yang ketara pada ekonomi.

## Sukuk *(samb.)*

Kadar Ringgit adalah tidak tetap disebabkan oleh keadaan di pasaran kewangan global masih tidak stabil, dan ini dijangka akan diselesaikan dalam jangka masa yang dekat.

Kalendar lelongan 2013 Kerajaan akan menyaksikan pengenalan MGS 30 tahun dan MGII 20 tahun, (tempoh terpanjang untuk tahun sebelumnya ialah MGS 20 tahun dan MGII 15 tahun masing-masing), dan kemasukan sukuk Skim Perumahan Kerajaan (SPK).

Penawaran dan aktiviti dalam sukuk korporat dijangka akan meningkat apabila Pengeluar mengambil kesempatan daripada kadar peminjaman yang rendah untuk mengumpul dana. Pasaran sukuk kekal disokong oleh kecairan domestik yang mencukupi dan permintaan pelaburan yang mantap.

## ASIA

### Tinjauan

Didorong oleh penggunaan domestik, pertumbuhan ekonomi di Asia berkemungkinan akan kekal lebih kukuh berbanding pertumbuhan di negara-negara maju untuk masa akan datang. Walaupun, pertumbuhan ini dijangka berlaku pada kadar yang lebih perlahan daripada tahun-tahun yang lampau. Demografi Asia yang menggalakkan memberi sokongan kepada hujah penggunaan yang meningkat, yang akan membantu mengurangkan impak risiko luaran pada ekonomi serantau. Risiko-risiko ini termasuk kemelesetan ekonomi yang mungkin berlaku di Eropah dan “jurang fiskal” di Amerika Syarikat yang membawa kepada pengurangan besar-besaran dalam perbelanjaan awam dan peningkatan cukai di Amerika Syarikat.

### GLOBAL

#### Tinjauan Pasaran

Pasaran global memulakan tahun dalam persekitaran mantap, disokong oleh data ekonomi yang menggalakkan dari Amerika Syarikat dan langkah-langkah positif oleh Bank Pusat Eropah. Ini telah membantu menurunkan tekanan pembiayaan dan mengurangkan risiko kecairan serantau. Pasaran ekuiti Asia Pasifik tidak termasuk Jepun juga pulih pada keseluruhannya berdasarkan selera risiko yang lebih baik. Dari segi pendapatan tetap, bon kerajaan telah diketepikan manakala bon korporat pulih selaras dengan momentum “pengambilan risiko”. Hasil yang tinggi telah menyerlah dengan bantuan penilaian yang baik.

Momentum positif menurun dalam suku kedua apabila pelbagai berita negatif telah menjejaskan sentimen. Krisis hutang Zon Eropah muncul kembali, mencetuskan kebimbangan terhadap keruntuhan sektor perbankan dan perpecahan euro. Pada masa yang sama, data ekonomi global yang suram membawa kepada kebimbangan terhadap kelembapan pemulihan ekonomi Amerika Syarikat dan kejatuhan teruk ekonomi China. Kebanyakan bon kerajaan yang merupakan aset selamat menyaksikan kejatuhan hasil ke tahap rendah pelbagai tahun. Walau bagaimanapun, pasaran ekuiti mendapat dorongan pada akhir suku tahun berikutan berita para pemimpin Eropah telah bersetuju untuk menggunakan wang jamin keluar Zon Eropah bagi mempermodalkan semula bank-bank secara langsung.

Pada suku ketiga, data ekonomi global pada keseluruhannya telah mengecewakan dan membawa kepada semakan menurun yang selanjutnya untuk ramalan pertumbuhan global. Sebagai tindak balas, bank-bank pusat melaksanakan langkah-langkah yang menyokong pertumbuhan agresif. Sebagai contoh, Rizab Persekutuan Amerika Syarikat melancarkan pelonggaran kuantitatif untuk kali ketiga bagi membantu memberangsangkan ekonomi dan tidak menetapkan tempoh untuk menamatkan program tersebut. Inisiatif sedemikian telah mengekalkan sentimen positif pelabur walaupun tinjauan yang suram dan membawa kepada pengukuhan pasaran secara keseluruhan pada suku ketiga.

Pasaran ekuiti mencatatkan keuntungan yang sederhana dalam suku terakhir tahun berikutan pengurangan cabaran-cabaran ketara yang mendominasi berita utama semenjak suku kedua. Di Zon Eropah, terdapat kemajuan dalam mewujudkan penggabungan kesatuan perbankan, manakala negara-negara yang berhutang seperti Greece berjaya melaksanakan lebih banyak langkah berjimat cermat dan reformasi berstruktur dan dengan itu mengurangkan kebimbangan pelabur terhadap keruntuhan rantau tersebut. China melaporkan pertumbuhan suku ketiga yang lebih mantap daripada yang dijangkakan yang telah mengurangkan kebimbangan terhadap kejatuhan teruk ekonomi, manakala pemulihan di Amerika Syarikat dapat disaksikan dalam kedua-dua bidang pekerjaan dan perumahan. Pasaran bon juga terus mencapai prestasi lebih baik bagi selera risiko yang lebih bertahan dengan hasil yang tinggi. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan berterusan terhadap jurang fiskal menyebabkan pergolakan pasaran.

## GLOBAL *(samb.)*

### Tinjauan

Pada tahun 2012, tema pendapatan adalah amat popular; para pelabur memilih kepastian perolehan dan jaminan daripada stok cip biru berkualiti ke atas stok defensif. Sebahagian besar stok berkitar telah diketepikan. Namun demikian, jika selera risiko terus meningkat, tahun 2013 mungkin akan menjadi tahun yang amat baik untuk stok kitaran memandangkan penilaiannya yang menarik berbanding stok defensif.

Untuk pasaran bon, arah aliran pertumbuhan yang lemah, penyahkeupilan (*de-leveraging*) sektor swasta dan pengukuhan fiskal mencadangkan bahawa kadar faedah negara maju berkemungkinan kekal pada tahap yang rendah untuk masa akan datang. Secara tidak langsung, hasil bon berdaulat dalam pasaran tersebut mungkin akan kekal rendah juga. Hasil akan lambat-laun meningkat juga apabila keadaan pertumbuhan kembali normal dan kadar faedah bergerak lebih tinggi. Namun, adalah sukar untuk menentukan bila perubahan ini akan berlaku.

**TAKAFULINK DANA EKUITI**

Kategori	2012 %	2011 %	2010 %	2009 %	2008 %
<b>Ekuiti</b>					
Bahan Pembinaan	0.33	0.27	2.24	2.73	1.20
Konglomerat	6.29	5.93	9.37	13.30	10.86
Pembinaan	4.59	5.09	13.72	7.98	8.43
Produk Konsumer	1.50	3.01	1.55	2.89	2.25
Kewangan	–	–	0.30	0.28	–
Industri	–	4.68	2.66	5.58	2.39
Pembuatan	3.78	–	–	–	–
Media	0.32	–	0.90	0.25	1.25
Motor	1.56	–	1.91	1.45	1.66
Minyak & Gas	19.02	22.50	11.86	4.76	6.21
Perladangan	7.04	10.39	13.16	14.67	8.44
Tenaga	7.83	0.92	8.41	10.41	8.52
Hartanah	5.70	3.38	4.90	4.77	2.07
Perkhidmatan	2.49	–	–	–	–
Teknologi	1.50	–	2.25	0.60	–
Telekomunikasi	28.45	23.85	16.72	12.49	10.64
Pengangkutan	–	3.82	6.56	3.07	4.24
Air	–	–	0.15	0.49	1.09
	90.40	83.84	96.66	85.72	69.25
<b>Tunai dan Deposit Islam</b>	12.21	17.03	4.00	15.38	28.86
<b>Lain Aset</b>	0.37	0.49	0.71	0.75	2.35
